



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.gaexcellence.com/ijmoe](http://www.gaexcellence.com/ijmoe)



## CABARAN MAHASISWA DALAM PEMBELAJARAN KURSUS BERKAITAN FALSAFAH

### *CHALLENGES FACED BY UNIVERSITY STUDENTS IN PHILOSOPHY- RELATED COURSES LEARNING*

Habibah @ Artini Ramlie<sup>1\*</sup>, Norshahrul Marzuki Mohd Nor<sup>2</sup>, Nor Fatin Syuhaidah Nayan<sup>3</sup>,  
Intan Nursyuhada Muhamad Nasir<sup>4</sup>, Wan Mohd Amjad Wan Halim<sup>5</sup>, Earnie Elmie Hilmi<sup>6</sup>

<sup>1&3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 [habibah\\_artini@ums.edu.my](mailto:habibah_artini@ums.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0002-8277-7838>

 [fatinsyuhaidah@ums.edu.my](mailto:fatinsyuhaidah@ums.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0004-6294-2981>

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

 [norshahrul@fsk.upsi.edu.my](mailto:norshahrul@fsk.upsi.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0009-5717-6078>

<sup>4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia

 [intannursyuhada@uitm.edu.my](mailto:intannursyuhada@uitm.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0003-7628-6594>

<sup>5</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

 [amjadhalim@uum.edu.my](mailto:amjadhalim@uum.edu.my)

 <https://orcid.org/0009-0004-7800-4076>

<sup>6</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

 [earnie@ums.edu.my](mailto:earnie@ums.edu.my)

 <https://orcid.org/0000-0001-6276-037X>

\*Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.01.2026

Revised date: 03.02.2026

Accepted date: 26.02.2026

Published date: 26.03.2026

#### Abstrak:

Secara umumnya, pengajaran sesuatu ilmu boleh dikaitkan dengan dua tujuan utama iaitu sama ada untuk melahirkan pakar dalam bidang ilmu yang diajar ataupun hanya sekadar memberi maklumat tentang disiplin yang diajar. Falsafah adalah satu bidang ilmu yang tidak bertujuan sepenuhnya untuk melahirkan pakar dalam bidang falsafah sebaliknya lebih kepada matlamat untuk memberikan maklumat serta kesedaran

**To cite this document:**

Ramli, H. A., Mohd Nor, N. M., Nayan, N, F. S., Nasir, I. N. M., Wan Halim, W. M. A., & Hilmi, E. E. (2026). Teaching Innovation in The Era of Generative Artificial Intelligence: A Conceptual Framework for Future-Ready Pedagogy. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 812-826.

akan fungsi falsafah itu sendiri. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran mahasiswa dalam memahami kursus berkaitan falsafah serta mencadangkan langkah bersesuaian untuk mengatasi cabaran ini. Kajian dilaksanakan secara kuantitatif berpandukan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah persampelan adalah persampelan bertujuan (purposive sample) dan seramai 515 orang mahasiswa yang mengambil kursus berkaitan falsafah di beberapa buah IPT tempatan telah dipilih sebagai responden mengikut kohort ditetapkan. Instrumen soal selidik diedarkan menerusi 'office form' dan dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 29.0 secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati bahawa antara cabaran utama mahasiswa dalam memahami falsafah adalah penggunaan istilah dan bahasa yang kompleks, kekurangan contoh praktikal, kandungan kursus falsafah itu sendiri, masa pembelajaran tidak mencukupi, kekurangan sumber pelajaran tambahan serta pensyarah yang tidak berkebolehan. Justeru antara cadangan untuk mengatasi perkara ini adalah pengintegrasian penggunaan AI (Artificial Intelligence) dalam pengajaran, pemantapan bidang sains sosial di IPT khususnya bidang falsafah serta penyediaan bahan rujukan yang mencukupi untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kursus berkaitan falsafah.

**DOI:** 10.35631/IJMOE.829048

**Kata Kunci:**

Cabaran, Mahasiswa, Falsafah, Pendidikan Tinggi, Pengajaran dan Pembelajaran

**Abstract:**

In general, the teaching of a discipline may serve two primary purposes: to produce specialists in the field or to provide foundational knowledge of the discipline. Philosophy, however, is not primarily intended to produce experts in the field; rather, it aims to cultivate understanding and awareness of the role and function of philosophical inquiry. This study seeks to identify the challenges faced by university students in understanding philosophy-related courses and to propose appropriate strategies to address these challenges. This study employed a quantitative research design, using a structured questionnaire as the primary research instrument. A purposive sampling technique was adopted, involving 515 university students enrolled in philosophy-related courses at several local higher education institutions. Respondents were selected based on predetermined cohorts. The questionnaire was distributed via Office Forms, and the data were analysed using IBM SPSS Statistics version 29.0 through both descriptive and inferential statistical methods. The findings reveal that the primary challenges encountered by students in understanding philosophy include the use of complex terminology and language, a lack of practical and contextualised examples, the inherently abstract nature of philosophical content, insufficient instructional time, limited access to supplementary learning resources and inadequate pedagogical competence among some lecturers. To address these challenges, the study proposes the integration of Artificial Intelligence (AI) as a pedagogical support tool, the strengthening of philosophy as a core social science discipline in higher education institutions, and the provision of comprehensive and accessible learning resources. These measures are expected to enhance students' engagement and understanding of philosophy-related courses.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com)

## Keyword:

Challenges, University Students, Philosophy, Higher Education, Teaching and Learning

## Pengenalan

Kursus-kursus berkaitan falsafah di institusi pengajian tinggi (IPT) ditawarkan dengan matlamat melahirkan mahasiswa yang mampu mengadaptasi kaedah berfikir secara kritikal dan rasional, berhujah secara sistematik serta bertindak secara berhikmah dalam mendepani variasi cabaran ideologi semasa. Penghayatan terhadap falsafah adalah amat penting kerana ia akan mendorong seseorang individu untuk lebih menghargai fungsi akal dalam usaha memantapkan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Justeru pengenalan kursus-kursus berkaitan falsafah adalah selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara yang menekankan pendidikan berasaskan nilai demi memastikan para mahasiswa mempunyai aras pemikiran tinggi dan berperibadi mulia. Dari perspektif Islam, falsafah mempunyai hubungan yang rapat dengan agama. Kefahaman ilmu yang mendalam tentang Islam dan falsafah akan membolehkan setiap individu menghayati ajaran Islam dan nilai-nilai murni yang ditegakkan seperti keadilan, belas kasihan serta kepentingan saling menghormati yang merupakan tonggak dalam memupuk hubungan harmoni dalam kalangan individu dengan kepercayaan dan latar belakang berbeza (Roslan et al., 2024). Justeru penekanan terhadap ilmu falsafah khususnya dalam kursus-kursus berkaitan falsafah yang ditawarkan di IPT perlu dititikberatkan dalam kalangan mahasiswa agar matlamat pembentukan peribadi mulia dan masyarakat harmoni dapat dicapai.

## Tinjauan Literatur

Pengajian falsafah amnya dan falsafah Islam khasnya boleh dikatakan agak tidak popular, bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan ia belum masih mendapat tempat yang sepatutnya dalam kerangka pendidikan di Malaysia baik di peringkat menengah, kolej mahupun di peringkat tinggi. Berbanding negara umat Islam yang lebih terkedepan dalam pengajian falsafah seperti Mesir misalnya, Malaysia agak terkebelakang kerana di Mesir, pengajian falsafah telah mula diketengahkan seawal pengajian menengah lagi (Wan Abdullah, 2006). Situasi 'lambat' ini menjadikan bidang falsafah di Malaysia sering dilihat tiada arah tuju akibat dari kesamaran aplikasi atau penggunaannya dalam kehidupan. Justeru kurangnya kesedaran mahasiswa di IPT tentang kepentingan pengajian falsafah memang tidak dapat dinafikan. Sepanjang sejarah pemikiran manusia, tidak ramai ahli falsafah yang lahir dan tidak ramai pula dari kalangan masyarakat yang mampu memahami dan menghargai kepentingan mereka. Hal ini menjadikan falsafah bersifat eksklusif, dianggap kursus yang susah dan mungkin dilabelkan sebagai tidak begitu berfaedah.

Bagaimanapun, dapatan kajian Saili et al. (2024a) menunjukkan bahawa persepsi dan penerimaan mahasiswa terhadap kursus berkaitan falsafah adalah positif kerana ia membantu mahasiswa untuk menjadi lebih kritis, rasional serta mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan dengan lebih berkesan. Meskipun kursus berkaitan falsafah dianggap sukar (Mohamad Akhir et al., 2023), dapatan kajian oleh Kassim et al. (2023b) menunjukkan pelaksanaan kursus berkaitan falsafah yang ditawarkan di IPT adalah berjalan lancar dan

memerlukan kepelbagaian platform untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran dalam kalangan mahasiswa. Kajian oleh Abdul Latiff et al. (2020) berhubung penerimaan mahasiswa terhadap kursus berkaitan falsafah yang ditawarkan di IPT juga mendapati kebanyakan mahasiswa yang mengambil kursus berkenaan dapat menerimanya dengan baik dan respon yang diberikan oleh mereka terhadap kursus adalah positif. Hal ini kerana penawaran kursus-kursus berkaitan falsafah amat signifikan dalam membentuk pemikiran kritis mahasiswa yang boleh dilihat menerusi pendekatan kontekstualisasi untuk menjelaskan asas dan kerangka pembinaan falsafah dalam kehidupan. Selain itu, pengajaran pendekatan analisis melalui subtopik-subtopik falsafah seperti ilmu logik, psikologi, metafizik dan epistemologi dalam falsafah dapat membina daya-saing pemikiran kritis semasa berbanding pendekatan dogmatik falsafah yang sekadar bertumpu kepada sejarah aliran-aliran pemikiran dalam pengajaran falsafah (Marinsah et al., 2021). Kursus berkaitan falsafah juga diyakini memainkan peranan dalam membentuk pemikiran kritis, identiti moral, dan pembangunan insan mahasiswa (Saili et al., 2024a).

Namun isunya adalah falsafah hanya difahami sebagai disiplin ilmu yang bersifat teoretikal serta dianggap ilmu yang tidak berfaedah dan membuang masa. Kesannya, dalam konteks pembelajaran di IPT hari ini, graduan tempatan sering dikritik kerana lemah dalam pengetahuan semasa, kurang berfikir kritis, tidak dapat menunjukkan kemahiran komunikasi dan tanggungjawab sosial serta kurang mempunyai sifat berdikari semasa melaksanakan tugas apabila memasuki alam pekerjaan (Kassim et al., 2023a). Salah faham tersebut sebenarnya perlu dijelaskan melalui pemahaman terhadap makna dan tujuan falsafah kerana falsafah berpegang kepada roh kecintaan terhadap ilmu (Mohd Azhar et al., 2021). Hal ini juga adalah matlamat utama para ilmuwan Islam dalam penulisan mereka (Wan Abdullah, 2006). Apa yang jelas, walaupun bidang falsafah dan ahli falsafah dianggap agak eksklusif tetapi kesan dan peranannya adalah umum, menyeluruh serta dapat dinikmati oleh pelbagai anggota masyarakat. Tanpa falsafah, dunia akan dipenuhi dengan faham-faham kebendaan dan segala falsafah yang akan dilahirkan nanti pastinya tidak lain hanya untuk 'berkhidmat' kepada faham kebendaan tersebut. Hal ini seterusnya akan mengekang segala usaha ke arah pembangunan seimbang yang diimpikan mengakibatkan cita-cita membina modal insan yang baik dan berkualiti menjadi terhalang. Para ahli falsafah mencari hikmah demi hikmah serta memperkatakan tentang kebenaran demi kebenaran, bukan kerana kepentingan lain (Wan Abdullah, 2006). Menyedari situasi ini, kajian dijalankan dengan objektif untuk mengenalpasti cabaran mahasiswa dalam memahami kursus berkaitan falsafah serta mencadangkan langkah bersesuaian untuk mengatasi cabaran ini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berpandukan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah persampelan adalah persampelan bertujuan (*purposive sample*) dan seramai 515 orang mahasiswa yang mengambil kursus berkaitan falsafah di beberapa buah IPT tempatan telah dipilih mengikut kohort ditetapkan. Instrumen soal selidik diedarkan menerusi 'office form' dan dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 29.0 secara deskriptif dan inferensi.

## Dapatan Kajian

Borang soals selidik yang dikemukakan kepada para mahasiswa terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan demografi mahasiswa (Jadual 1).

**Jadual 1. Demografi Mahasiswa**

| Bil | Pernyataan      | Jumlah    | Peratus |       |
|-----|-----------------|-----------|---------|-------|
| 1   | Jantina         | Lelaki    | 133     | 25.8% |
|     |                 | Perempuan | 382     | 74.2% |
| 2   | Tahun pengajian | Tahun 1   | 331     | 64.3% |
|     |                 | Tahun 2   | 86      | 16.7% |
|     |                 | Tahun 3   | 37      | 7.2%  |
|     |                 | Tahun 4   | 61      | 11.8% |

Berdasarkan Jadual 1, mahasiswa yang menyertai kajian ini adalah seramai 515 orang yang terdiri daripada 133 orang mahasiswa lelaki (25.8%) dan 382 orang mahasiswa perempuan (74.2%). 331 orang (64.3%) merupakan mahasiswa tahun 1, seramai 86 orang (16.7%) mahasiswa tahun 2 diikuti 37 orang (7.2%) mahasiswa tahun 3 dan 61 orang (11.8%) merupakan mahasiswa tahun 4. Terdapat beberapa topik penting yang terkandung dalam kursus-kursus berkaitan falsafah di IPT. Antaranya adalah Logik, Metafizik, Epistemologi, Etika dan Politik (Musa, 2001). Logik adalah kajian mengenai kebenaran sesuatu melalui inferens atau penyelidikan. Ia merujuk kepada kaedah berfikir dan penetapan kesimpulan sesuatu perkara bagi memahami hakikat sesuatu, sama ada sesuatu itu benar atau salah, diterima atau tidak menerusi analisis kebenaran serta penerimaan sesuatu perkara (Magnus et al., 2001). Metafizik pula adalah kajian yang membincangkan aspek-aspek yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar dengan isu ketuhanan adalah isu utama kerana metafizik itu sendiri melibatkan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan (Mohamad Zain, 2018). Manakala Epistemologi mengupas tentang teori ilmu, sifat ilmu, syarat yang membolehkan sesuatu itu diterima sebagai ilmu, batasan ilmu serta kaedah mendapat ilmu pengetahuan. Falsafah dan epistemologi seterusnya berfungsi bersama dalam menyediakan tunjang untuk memahami aspek Etika bagi menentukan baik buruk perbuatan seseorang individu. Politik pula adalah perbincangan berkaitan aspek kebebasan, keadilan, persamaan dan hak seseorang (Heywood, 2017). Menerusi kajian ini, dalam perbincangan berhubung cabaran mempelajari falsafah, tinjauan terhadap respon mahasiswa dirumuskan dalam Jadual 2.

**Jadual 2. Cabaran Mempelajari Falsafah**

| Bil | Pernyataan                            | Jumlah | Peratus |
|-----|---------------------------------------|--------|---------|
| 1   | Penggunaan istilah yang kompleks      | 166    | 32.2%   |
| 2   | Penggunaan bahasa yang kompleks       | 107    | 20.8%   |
| 3   | Kekurangan contoh praktikal           | 91     | 17.7%   |
| 4   | Kandungan kursus falsafah itu sendiri | 58     | 11.3%   |
| 5   | Masa pembelajaran tidak mencukupi     | 49     | 9.5%    |
| 6   | Kekurangan sumber pelajaran tambahan  | 41     | 8.0%    |
| 7   | Pensyarah yang tidak berkebolehan     | 3      | 0.6%    |

Jadual 2 menunjukkan seramai 166 orang mahasiswa (32.2%) menyatakan bahawa cabaran utama dalam mempelajari falsafah adalah penggunaan istilah yang kompleks, penggunaan bahasa yang kompleks (107 orang mahasiswa = 20.8%), kekurangan contoh praktikal (91 orang mahasiswa = 17.7%), kandungan kursus falsafah itu sendiri (58 orang mahasiswa = 11.3%), masa pembelajaran tidak mencukupi (49 orang mahasiswa = 9.5%), kekurangan sumber

pelajaran tambahan (41 orang mahasiswa = 8.0%) dan pensyarah yang tidak berkebolehan (3 orang mahasiswa = 0.6%). Jadual 3 pula merupakan item-item yang diajukan kepada para mahasiswa berpandukan skala ‘Sangat Tidak Berkesan’, ‘Tidak Berkesan’, ‘Kurang Berkesan’, ‘Berkesan’ dan ‘Sangat Berkesan’ bagi mendapatkan respon berhubung keberkesanan kursus falsafah yang dipelajari.

**Jadual 3. Keberkesanan Kursus Falsafah**

| Bil | Pernyataan                                                                                                                                                            |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam aspek pemantapan sahsiah diri mahasiswa?                                   |
| 2   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam aspek pembentukan kemahiran sebagai seorang pemimpin pada diri mahasiswa?’ |
| 3   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam melahirkan seorang mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif?             |
| 4   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari secara keseluruhan?                                                              |

Berikutnya adalah Jadual 4 sehingga Jadual 8 yang memaparkan dapatan kajian.

**Jadual 4. Pernyataan ‘Bagaimanakah Anda Menilai Keberkesanan Pengajaran Kursus Falsafah Yang Anda Pelajari Dalam Aspek Pemantapan Sahsiah Diri Mahasiswa?’**

| Skala                 | Jumlah  | %     |
|-----------------------|---------|-------|
| Sangat Tidak Berkesan | 2       | 0.4%  |
| Tidak Berkesan        | 2       | 0.4%  |
| Kurang Berkesan       | 38      | 7.4%  |
| Berkesan              | 330     | 64.1% |
| Sangat Berkesan       | 143     | 27.8% |
| Nilai Min             | 4.1845  |       |
| Sisihan Piawai        | 0.60715 |       |

Berdasarkan Jadual 4, seramai 143 orang mahasiswa (27.8%) menyatakan pengajaran kursus falsafah yang dipelajari sangat berkesan dalam aspek pemantapan sahsiah diri, 330 orang mahasiswa (64.1%) menyatakan ia berkesan, 38 orang mahasiswa (7.4%) berpendapat pengajaran kursus falsafah kurang berkesan dalam memantapkan sahsiah diri dan masing-masing 2 orang mahasiswa (0.4%) menyatakan tidak berkesan dan sangat tidak berkesan dengan nilai min 4.1845.

**Jadual 5. Pernyataan ‘Bagaimanakah Anda Menilai Keberkesanan Pengajaran Kursus Falsafah Yang Anda Pelajari Dalam Aspek Pembentukan Kemahiran Sebagai Seorang Pemimpin Pada Diri Mahasiswa?’**

| Skala                 | Jumlah  | %     |
|-----------------------|---------|-------|
| Sangat Tidak Berkesan | 2       | 0.4%  |
| Tidak Berkesan        | 2       | 0.4%  |
| Kurang Berkesan       | 29      | 5.6%  |
| Berkesan              | 332     | 64.5% |
| Sangat Berkesan       | 150     | 29.1% |
| Nilai Min             | 4.2155  |       |
| Sisihan Piawai        | 0.59534 |       |

Jadual 5 memaparkan dapatan respon mahasiswa terhadap keberkesanan pengajaran kursus falsafah dalam aspek pembentukan kemahiran sebagai seorang pemimpin. Seramai 150 orang mahasiswa (29.1%) menyatakan pengajaran kursus falsafah yang dipelajari sangat berkesan dalam aspek pembentukan kemahiran sebagai seorang pemimpin, 332 orang mahasiswa (64.5%) menyatakan ia berkesan, 29 orang mahasiswa (5.6%) berpendapat pengajaran kursus falsafah kurang berkesan dalam membentuk kemahiran sebagai seorang pemimpin dan masing-masing 2 orang mahasiswa (0.4%) menyatakan tidak berkesan dan sangat tidak berkesan dengan nilai min 4.2155.

**Jadual 6. Pernyataan ‘Bagaimanakah Anda Menilai Keberkesanan Pengajaran Kursus Falsafah Yang Anda Pelajari Dalam Melahirkan Seorang Mahasiswa Yang Sentiasa Berfikiran Positif?’**

| Skala                 | Jumlah  | %     |
|-----------------------|---------|-------|
| Sangat Tidak Berkesan | 2       | 0.4%  |
| Tidak Berkesan        | 24      | 4.7%  |
| Kurang Berkesan       | 295     | 57.3% |
| Berkesan              | 194     | 37.7% |
| Sangat Berkesan       | 0       | 0%    |
| Nilai Min             | 4.3184  |       |
| Sisihan Piawai        | 0.59795 |       |

Berdasarkan Jadual 6, tiada mahasiswa (0%) yang menyatakan pengajaran kursus falsafah sangat berkesan dalam melahirkan mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif. Seramai 194 orang mahasiswa (37.7%) menyatakan pengajaran kursus falsafah yang dipelajari berkesan dalam melahirkan mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif, 295 orang mahasiswa (57.3%) menyatakan kurang berkesan, 24 orang mahasiswa (4.7%) menyatakan tidak berkesan dan 2 orang mahasiswa (0.4%) menyatakan pengajaran kursus falsafah sangat tidak berkesan dalam melahirkan mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif dengan nilai min 4.3184.

**Jadual 7. Pernyataan ‘Bagaimanakah Anda Menilai Keberkesanan Pengajaran Kursus Falsafah Yang Anda Pelajari Secara Keseluruhan?’**

| Skala                 | Jumlah  | %     |
|-----------------------|---------|-------|
| Sangat Tidak Berkesan | 2       | 0.4%  |
| Tidak Berkesan        | 1       | 0.2%  |
| Kurang Berkesan       | 28      | 5.4%  |
| Berkesan              | 313     | 60.8% |
| Sangat Berkesan       | 171     | 33.2% |
| Nilai Min             | 4.2621  |       |
| Sisihan Piawai        | 0.60093 |       |

Dapatan kajian dalam Jadual 7 menunjukkan dapatan respon mahasiswa terhadap keberkesanan pengajaran kursus falsafah secara keseluruhan. Seramai 171 orang mahasiswa (33.2%) menyatakan pengajaran kursus falsafah yang dipelajari sangat berkesan secara keseluruhan, 313 orang mahasiswa (60.8%) menyatakan ia berkesan, 28 orang mahasiswa (5.4%) menyatakan pengajaran kursus falsafah kurang berkesan secara keseluruhan, seorang mahasiswa (0.2%) menyatakan ia tidak berkesan dan 2 orang mahasiswa (0.4%) menyatakan pengajaran kursus falsafah sangat tidak berkesan secara keseluruhan dengan nilai min 4.2621.

**Jadual 8. Keberkesanan Mempelajari Kursus Berkaitan Falsafah Mengikut Keutamaan**

| Bil | Pernyataan                                                                                                                                                           | Nilai Min |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam melahirkan seorang mahasiswa yang sentiasa berfikir positif?              | 4.3184    |
| 2   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari secara keseluruhan?                                                             | 4.2621    |
| 3   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam aspek pembentukan kemahiran sebagai seorang pemimpin pada diri mahasiswa? | 4.2155    |
| 4   | Bagaimanakah anda menilai keberkesanan pengajaran kursus falsafah yang anda pelajari dalam aspek pemantapan sahsiah diri mahasiswa?                                  | 4.1845    |

Seterusnya apabila pernyataan keberkesanan mempelajari kursus berkaitan falsafah disusun mengikut keutamaan, Jadual 8 memaparkan bahawa para mahasiswa bersetuju bahawa pengajaran kursus falsafah berkesan dalam melahirkan mahasiswa berfikir positif, membentuk kemahiran sebagai pemimpin dan memantapkan sahsiah diri seseorang.

### Perbincangan Dapatan Kajian

Berikut adalah dapatan kajian berkaitan cabaran mahasiswa dalam pembelajaran falsafah.

### ***Cabaran Istilah Dan Bahasa Yang Kompleks***

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat konsep yang bersifat kompleks dalam pembelajaran falsafah. Hal ini kerana falsafah melibatkan idea-idea yang sangat abstrak seperti hakikat kewujudan, kebenaran, nilai dan minda. Penggunaan istilah teknikal dalam falsafah seperti logik, metafizik dan seumpamanya sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mahasiswa, terutamanya mereka yang tidak mempunyai latar belakang sedia ada dalam bidang ini. Konsep seperti 'eksistensialisme', 'epistemologi' dan 'ontologi' misalnya memerlukan pemahaman yang mendalam dan sukar difahami. Istilah-istilah ini jarang ditemui dalam wacana harian lantas menjadikannya sukar difahami oleh sesetengah individu tanpa bimbingan yang mendalam. Selain dari kesukaran dan mengingati istilah, mahasiswa juga berhadapan masalah untuk memahami struktur bahasa dalam teks falsafah yang lazimnya bersifat kompleks dengan olahan ayat yang panjang dan berbentuk analitis. Mahasiswa perlu menguasai kemahiran membaca secara kritis serta pentafsiran interpretatif yang tinggi untuk memahami makna tersirat dalam penulisan falsafah. Kurangnya pengukuhan serta latihan dalam membaca teks akademik genre falsafah menjadikan perkara ini menjadi lebih mencabar lebih-lebih lagi apabila teks-teks falsafah ditulis dalam konteks bahasa kedua atau ketiga.

### ***Kekurangan Contoh Praktikal***

Berbeza dengan bidang seperti Matematik atau Sains, falsafah tidak selalu memberikan jawapan pasti. Falsafah juga tidak menemukan jawapan mutlak sepenuhnya terhadap sesuatu perkara sedangkan dalam memahami falsafah, mahasiswa mesti mampu menganalisis hujah secara mendalam, menilai logik, dan mempertimbangkan pelbagai pandangan. Namun perlu ditekankan bahawa tidak semua individu terlatih untuk berfikir dengan cara ini, apatah lagi mengaplikasikannya secara konsisten. Perkara ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati atau kekeliruan dalam kalangan mahasiswa yang mencari kepastian serta berhadapan dengan kesukaran untuk memahami topik-topik sukar dalam kursus berkaitan falsafah seperti Ilmu Kalam (Dakir et al., 2001). Perkara sebeginilah yang sering mengelirukan mahasiswa apabila dibincangkan secara mendalam. Apatah lagi apabila falsafah juga dilihat tidak mempunyai hubungan langsung dengan kehidupan harian. Ada mahasiswa yang sukar melihat bagaimana falsafah berkaitan dengan realiti atau kehidupan seharian mereka lantas menyebabkan kurangnya motivasi untuk mendalami kursus ini.

### ***Kandungan Kursus Falsafah Itu Sendiri***

Falsafah juga membuka ruang kepada banyak tafsiran. Mahasiswa boleh tersilap memahami maksud asal sesuatu teks atau hujah jika tidak diberi panduan yang betul. Hal ini kerana sumbangan pemikiran mana-mana falsafah diambil sebagai penguat kepada kebenaran yang sedia dibahaskan. Teks-teks falsafah dibaca, dilihat dan dinilai sebagai sumber dan sumbangan pemikiran dengan pemahaman yang berautoriti dalam tradisi yang terjaga. Contohnya seperti dalam perbincangan falsafah Islam. Seterusnya dalam usaha memasukkan dan menggabungkan isu-isu semasa dalam kandungan kursus berkaitan falsafah Islam, ia tidak semudah yang difikirkan kerana kita perlu mengenalpasti isu-isu utama serta isu sampingan. Contohnya isu epistemologi yang banyak dikelirukan oleh fahaman empirikal dan keduniaan, isu pandangan alam (*world view*) yang banyak dipengaruhi persepsi sekularisme Barat serta isu dialog agama dan peradaban yang secara tidak langsung cuba mengetengahkan fahaman-fahaman yang mengelirukan seperti fahaman pluralisme agama (Wan Abdullah, 2006).

### ***Masa Pembelajaran Tidak Mencukupi***

Gaya penulisan falsafah juga tidak dinafikan adalah sukar. Ramai ahli falsafah menulis dalam gaya yang berat, penuh dengan istilah teknikal. Mahasiswa mungkin merasa bosan atau keliru apabila membaca karya seperti Immanuel Kant, Hegel, atau Heidegger apatah lagi masa kuliah pembelajaran kursus-kursus berkaitan falsafah lazimnya hanya maksimum 2 jam seminggu. Pada masa yang sama, hakikat umum yang tidak terikat dengan situasi semasa perlu dicungkil dan dibezakan untuk dimanfaatkan umat kini (Wan Suhaimi, 2006). Perkara ini perlu dititikberatkan kerana kajian ini mendapati bahawa dalam aspek keberkesanan mempelajari kursus berkaitan falsafah, mahasiswa tetap menyetujui bahawa kursus berkaitan falsafah mampu melahirkan seorang mahasiswa yang sentiasa berfikiran positif, membentuk kemahiran sebagai seorang pemimpin pada diri mahasiswa serta memantapkan sahsiah diri mahasiswa.

### ***Kekurangan Sumber Pelajaran Tambahan***

Perkara ini berkait rapat dengan kecenderungan dan peruntukan polisi kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti dan seterusnya fakulti berkaitan. Dalam konteks ini, bidang-bidang sains sosial seakan tidak diberikan sokongan yang setara untuk dikembangkan berbanding bidang sains tulen (Wan Abdullah, 2006). Penumpuan kursus-kursus di IPT lebih berteraskan pasaran manakala kursus-kursus kemanusiaan (*humanities*) yang mementingkan pembangunan kerohanian, intelek dan emosi kurang diberi perhatian (Azlan et al., 2024). Hal ini menjadikan bidang pengajian keagamaan, yang dikaitkan dengan skop sains sosial, dilihat tidak begitu menguntungkan dalam perkembangan sosio-politik dan ekonomi semasa negara seperti bidang sains dan teknologi. Perkara pokok di sini sebenarnya adalah langkah mengkategorikan ilmu agama termasuk bidang falsafah dan falsafah Islam sebagai sains sosial. Pengkategorian ilmu Islam dalam kategori sains sosial ini telah mengikat pengajian agama dan falsafah dengan tradisi dan metodologi sains sosial yang kadang-kadang tidak begitu sesuai untuk pengajian keagamaan dan kefalsafahan. Situasi ini membawa kepada isu keupayaan institusi dalam aspek kelengkapan pusat sumber atau perpustakaan yang menyediakan segala bahan asas yang diperlukan untuk proses pengajian dan pengajaran falsafah. Seterusnya dalam konteks usaha untuk menyediakan bahan sumber sendiri, hal ini pastinya akan melibatkan pelbagai proses termasuk penyelidikan, pembentangan seminar pakar, penterjemahan dan penerbitan (Wan Abdullah, 2006) yang menjadikan kursus-kursus berkaitan falsafah terkesan dari aspek sokongan terhadap penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran tambahan.

### ***Cabaran Kepakaran Pensyarah***

Berkaitan kepakaran dan keupayaan tenaga pengajar yang ada, umumnya hanya ahli falsafah yang mampu melahirkan ahli falsafah dan hanya ahli falsafah yang baik yang akan melahirkan ahli falsafah yang baik dan tidak terkeliru. Timbul persoalan siapakah ahli falsafah sebenar? Bolehkah dipastikan pensyarah yang mengajar kursus falsafah benar-benar memahami falsafah dengan berbekalkan pembacaan yang terhad ke atas beberapa buku sekunder dan menjalankan pengkajian persediaan selama beberapa minggu sebelum semester bermula? (Wan Suhaimi, 2006). Justeru topik-topik yang ditawarkan dalam kursus-kursus berkaitan falsafah perlu dipermudahkan dari sudut isi kandungan, pendekatan perbincangan serta penghuraian tanpa meminggirkan keperluan pendedahan dari segi sejarah dan isu-isu utama perbincangan bagi sesuatu ilmu atau subjek kepada para mahasiswa. Dengan kata lain, topik-topik asas dalam kursus berkaitan falsafah perlu dimantapkan dan diperluaskan bidang cakupan perbahasannya

agar tidak hanya tertumpu kepada persoalan teoritikal sebaliknya lebih menjurus kepada keperluan semasa (Dakir et al., 2001). Hal ini kerana dalam konteks pendekatan pengajaran, ia banyak berkait dengan isu-isu lama yang pernah diperdebatkan dalam tradisi lampau menjadikan pemahaman yang menyeluruh tentang latar belakang masalah dan cabaran semasa ketika itu perlu diambil kira.

Dapatan kajian ini bagaimanapun tidak mencetuskan penolakan sepenuhnya mahasiswa terhadap bidang falsafah. Mahasiswa tetap beranggapan bahawa falsafah menjadikan mahasiswa lebih bersikap kritis, rasional, profesional dan berdaya saing (Saili et al., 2024, Marinsah et al., 2021). Pelaksanaan kursus berkaitan falsafah terhadap mahasiswa juga berjalan lancar (Kassim et al., 2023b) manakala penerimaan mahasiswa terhadap kursus berkaitan falsafah adalah baik dan positif (Abdul Latiff et al., 2020). Hanya kerana falsafah difahami sebagai disiplin ilmu yang bersifat teoretikal serta dianggap ilmu yang tidak berfaedah dan membuang masa, maka seharusnya para mahasiswa sentiasa meningkatkan pengetahuan semasa dan berfikir lebih kritis (Kassim et al., 2023a).

## Cadangan Kajian

Berpandukan dapatan yang diperolehi, maka kajian ini mencadangkan beberapa perkara berikut.

### *Cadangan Pedagogi*

Bagi mengatasi cabaran ini, antara langkah yang dicadangkan dalam penulisan Saili et al. (2024b) adalah pengintegrasian *chatbot* AI (*Artificial Intelligence*) dalam pengajaran falsafah di IPT. Penggunaan *chatbot* AI GPT dalam sistem pendidikan melambangkan satu revolusi digital yang menggabungkan teknologi mutakhir dengan kaedah pengajaran konvensional. Ia membawa anjakan paradigma dalam ekosistem pembelajaran kontemporari. Walaupun terdapat keperluan untuk penilaian kritis terhadap ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disalurkan, namun dari sudut positif, objektif memperkasakan kemahiran intelektual dan kreatif dalam kalangan para mahasiswa dapat direalisasikan melalui penggunaan teknologi *chatbot* AI ini khususnya dalam mempelajari falsafah. Namun kajian lanjut diperlukan untuk menilai kesan jangka panjang integrasi ini kepada hasil pembelajaran mahasiswa. Hal ini kerana meskipun *chatbot* AI GPT berpotensi besar dalam memperkayakan pembelajaran dan penilaian dalam bidang falsafah, terdapat cabaran yang perlu ditangani, termasuk keperluan untuk penilaian kritis terhadap ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disalurkan. Integrasi teknologi ini memerlukan pendekatan teliti untuk memastikan ia digunakan secara beretika dan berkesan, tanpa menjejaskan interaksi manusia yang kritikal dalam pembelajaran. (Saili et al., 2024b). Menyentuh aspek yang lain pula, semua ilmu yang baik sememangnya penting dan perlu diajar kepada semua mahasiswa. Perbezaannya, terdapat ilmu yang diajar dan dipelajari sekadar untuk mendapat maklumat dan ada ilmu yang diajar dan dipelajari demi pengisian diri sebagai pakar yang nanti akan mendokong tradisi ilmu yang mempelajarinya itu. Kaedah umum ini terpakai bukan sahaja ke atas tradisi ilmu-ilmu wahyu (*naqli*) atau ilmu-ilmu kehidupan (*aqli*) secara berasingan, bahkan ia sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam patut disepadukan melintasi sempadan kedua-dua tradisi di atas. Dalam kes pengajian falsafah amnya serta falsafah Islam khususnya, fakta di atas perlu dikenalpasti (Wan Abdullah, 2006).

### ***Cadangan Insituti Dan Dasar***

Institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kelengkapan pusat sumber atau perpustakaan yang menyediakan segala bahan asas yang diperlukan untuk proses pengajian dan pengajaran falsafah. Kelengkapan pusat sumber ini bukan hanya melibatkan sarana fizikal yang selesa sahaja, bahkan yang lebih penting ialah jumlah koleksi bukunya yang lengkap di samping gerakan terancang untuk menghasilkan bahan sumber sendiri merangkumi bahan-bahan koleksi di Malaysia khususnya dalam bidang falsafah amnya dan falsafah Islam (Wan Abdullah, 2006). Pada masa yang sama, bidang pengajian keagamaan yang sering dikaitkan dengan skop sains sosial perlu diberi penekanan meluas. Pengkategorian ilmu Islam tidak perlu dikelompokkan dalam kategori sains agar perbahasan lebih sesuai untuk pengajian keagamaan dan kefalsafahan. Ini kerana sains sosial umumnya lebih berupa ilmu yang diasaskan di atas realiti semasa masyarakat manakala ilmu keagamaan dan falsafah mirip kepada membahaskan sistem yang dilihat paling ideal untuk diaplikasikan ke atas masyarakat. Dengan kata lain sains sosial adalah ilmu tentang apa yang berlaku manakala ilmu keagamaan dan falsafah adalah ilmu tentang apa yang sepatutnya berlaku.

### ***Cadangan Pembangunan Sumber***

Berpandukan dapatan kajian juga, penulisan ini seterusnya mencadangkan penghasilan satu modul kefahaman falsafah yang khusus menggabungkan integrasi falsafah Islam dan Barat sebagai langkah awal untuk memupuk dan mengukuhkan lagi minat pelajar terhadap aspek falsafah dan pemikiran yang berkait rapat dengan bidang Usuluddin. Topik-topik yang dicadangkan adalah maksud dan konsep falsafah menurut perspektif Islam dan Barat, maksud dan konsep logik menurut perspektif Islam dan Barat, konsep metafizik dan teori kewujudan dalam metafizik, maksud dan konsep epistemologi menurut perspektif Islam dan Barat, konsep etika dalam kehidupan, perkembangan ideologi falsafah dalam politik, tokoh-tokoh falsafah Islam dan Barat, hubungan antara agama, sains dan falsafah serta beberapa topik lain yang difikirkan bersesuaian. Hal ini kerana kursus berkaitan falsafah membawa wadah pembinaan insan yang berorientasikan penekanan kepada usaha membentuk kemahiran kritis dalam kalangan mahasiswa (Marinsah et al., 2021) di samping menekankan penghayatan ajaran Islam dalam konteks falsafah Islam. Selain itu, pembentukan akhlak dan moral turut dipupuk dalam jati diri serta sahsiah mahasiswa bagi mempersiapkan mahasiswa menghadapi cabaran semasa.

### ***Kesimpulan***

Pada dasarnya, kursus berkaitan falsafah membawa wadah pembinaan bangsa yang berorientasikan Malaysia dengan penekanan kepada usaha membentuk kemahiran kritis dalam kalangan mahasiswa IPT. Pembentukan akhlak dan moral turut dipupuk dalam membentuk jati diri serta sahsiah mahasiswa bagi mempersiapkan mahasiswa menghadapi cabaran terutamanya selepas bergraduasi. Bagaimanapun cabaran mahasiswa dalam mempelajari kursus falsafah perlu diberi perhatian. Penulisan ini mengupas dapatan bahawa cabaran pembelajaran kursus berkaitan falsafah adalah pelbagai dan saling berkait antara satu sama lain. Ia bukan sahaja melibatkan kandungan kursus, tetapi juga melibatkan aspek-aspek lain. Oleh itu, adalah penting bagi pihak institusi dan pensyarah meneliti semula pendekatan pengajaran kursus falsafah agar ia lebih inklusif dan berfokus kepada pengembangan keupayaan berfikir secara kritis dalam kalangan mahasiswa. Penambahbaikan dalam aspek ini diyakini mampu meningkatkan keberkesanan pembelajaran falsafah sebagai komponen asas pembinaan intelek dan etika generasi akan datang. Kefahaman terhadap falsafah juga penting kerana ia adalah

pemangkin kepada asas yang kukuh dalam usaha membina kesefahaman dan kerjasama yang menyumbang kepada pembentukan perpaduan dan keharmonian sejagat berlandaskan nilai-nilai Islam.

---

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Penghargaan:</b>                    | Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| <b>Penyataan Pembiayaan:</b>           | Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Universiti Malaysia Sabah di bawah Nombor Geran DKP0106.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| <b>Pernyataan Konflik Kepentingan:</b> | Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE)                                                                                                                                                                              |
| <b>Pernyataan Etika:</b>               | Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Persetujuan bermaklumat telah diperolehi daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Responden yang tidak bersetuju tidak perlu mengisi 'office form' yang diedarkan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.                      |
| <b>Pernyataan Sumbangan Penulis:</b>   | Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1 dan 3 menghasilkan idea penulisan kajian dan bertanggungjawab terhadap pengkonsepkan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis 2 dan 6 menyusun format dan struktur artikel manakala Penulis 4 dan 5 mengendalikan pengumpulan dan analisis data. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan. |

---

## Rujukan

- Abdul Latiff, L., Mohd Mokhtar, R.A., & Mohad, A.H. (2020). Penerimaan Pelajar USIM Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. E-Proceeding. Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020). *3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution*. 15 Okt 2020. Nilai, Negeri Sembilan.
- Azlan, A., Mohd. Arshad, A., Bahri, S., & Mohamad Zaini, M.N. (2024). Peranan Subjek Falsafah dan Isu Semasa dalam Pembentukan Insan Bersepadu dan Sejahtera Bagi Mendepani Cabaran Semasa. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 7 (2), 73-89. DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6042>
- Dakir, J., Ibrahim, M., Awang, J., & Mohamed, I. (2001). Cabaran-Cabaran Pengajian Usuluddin & Falsafah di Alaf Baru. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 2 (1), 165–181. <https://ijie.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/6014>
- Heywood, A. (2017). *Political Ideologies an Introduction*. London : Palgrave.
- Kassim, F., Ramli, M.R., Mat Noor, N.A., Yong, I.S.C., & Abdul Azzis, M.S. (2023a). Peranan Kursus Falsafah dan Isu Semasa Dalam “Menyempurnakan” Pelajar: Kajian di Universiti Malaya. *Asian People Journal*, 6(2) : 35-46. DOI: <http://dx.doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.420>
- Kassim, F., Mat Noor, N.A., Abdul Azzis, M.S, Yong, I.S.C., Ramli, M.R., & Hanafi, F. (2023b). Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya. *Sains Insani*, 8 (1) : 15-24. DOI : <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.416>
- Magnus, P.D., Button, T., Loftis, J.R., Trueman, R., Thomas-Bolduc, A., & Zach. R. (2020). *forall x: Calgary an Introduction to Formal Logic*. University of Calgary : Taylor Institute for Teaching and Learning.
- Marinsah, S.A., Abang Muis, A.M.R., Esa, M.S., Othman, I.W., Ramlie, H.A., Mokhtar, S., & Yusoff, M.S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (39) : 137-149. DOI : 10.35631/IJEPC.639009
- Mohamad Akhir, N. S., Ismail, S., Ismail, M. S. I, Yusof, S. A., Ahmad., M. A. S., & Mohd Yusof, A. S. (2023). Penerimaan Mahasiswa Terhadap Mata Pelajaran Umum (MPU) Kursus Falsafah dan Isu Semasa di UITM Cawangan Kedah. *International Journal of Modern Education*, 5 (18), 137-147. DOI: 10.35631/IJMOE.518010
- Mohamad Zain, S. (2018). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi : Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).
- Musa, H. (2001). *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Roslan, F.A., Hairo Zafuan, N.A.A., & Ahmad Tarmidzi, N.I.F. (2024). Mendalami Pemahaman Ilmu Terhadap Islam dan Falsafah Untuk Membentuk Perpaduan. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*. 17-18 Julai 2024. e-ISSN : 2811-4051.
- Saili, J., Mustapa, M., & Arishin, S. S. A. (2024a). Meta Analisis Kajian Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4) : 251-263. DOI: <https://doi.org/10.55197/qjssh.v5i4.421>

- Saili, J., Mustapa, M., & Arishin, S.S. (2024b). Chatbot AI GPT: Transformasi Pengajaran Falsafah dan Isu Semasa Era Digital. *e-JURNAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI*, 11 (2), 100-115. DOI: 10.53840/ejpi.v11i2.185
- Wan Abdullah, W. S. (2006). Pengajian Falsafah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Sukatan, Masalah dan Cabaran Pengajian. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 7(1), 197–226.  
<https://ijie.um.edu.my/index.php/afkar/article/view/13312>